

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 3 JANUARI 2024
AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 5

Kejayaan PADU diukur berdasarkan data tulen rakyat

Kejayaan PADU diukur berdasarkan data tulen rakyat

PUTRAJAYA – Kejayaan dan keberhasilan pelaksanaan Pengkalan Data Utama (PADU) adalah berdasarkan ketulenan data yang diberikan oleh rakyat.

Ketua Pengarah Ketua Perangkawan Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin berkata, beliau menyeru kepada semua rakyat Malaysia supaya berkongsi data sebenar menerusi pangkalan data itu.

Katanya, jabatan itu akan tetap menggunakan data-data sedia ada daripada setiap agensi kerajaan, tetapi pada masa sama, rakyat perlu menyemak dan mengesahkan data itu.

"Kami mahu rakyat sekali lagi menyemak dan kemas kini data itu membabitkan 39 data utama. Kita mahu perlifidmatan (PADU) kerajaan ini berpaksikan kepada senario semasa rakyat.

"Ini sebenarnya data rakyat, dari rakyat dan untuk rakyat dalam bentuk pembentukan polisi kerajaan dan melancarkan bantuan kewangan dan sosial," katanya ketika sesi pembenta-



RAKYAT diminta berkongsi data menerusi sistem PADU bagi membolehkannya lebih tepat. – GAMBAR HIASAN

ngan PADU di sini semalam.

Mohd. Uzir berkata, antara 39 data dan maklumat yang perlu disemak termasuk maklumat asas, alamat, pendidikan, isi rumah, pekerjaan, pendapatan, komitmen dan bantuan.

Menurutnya, 39 data itu boleh disemak secara online dan kaunter pendaftaran di 44 pejabat operasi Jabatan Perangkaan, 911 Pusat Ekonomi Digital (PEDD) dan 27 Pusat Transformasi Bandar (UTC) di seluruh negara.